




idealogy

JURNAL SENI & BUDAYA INDONESIA - MALAYSIA

©2016



idealogy

**JURNAL
SENI & BUDAYA**

INDONESIA
MALAYSIA

INSTITUT SENI BUDAYA INDONESIA
/ISBI BANDUNG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PERAK
/UITM MALAYSIA

EDITOR

Dr. ANDANG ISKANDAR, S.Pd., M.Ds

Dr. MUHAMAD ABDUL AZIZ AB GANI

S E N I V I S U A L DAN TEORI KESUSASTERAAAN ISLAM (TAKMILAH)

PENILAIAN KEPERLUAN PENYELIDIKAN

ISHAK RAMLI
RAHMAN AMIN
PONIRIN AMIN
& MOHD SUHAIMI TOHID

FACULTY OF ART AND DESIGN,
UNIVERSITY TECHNOLOGY MARA,
SERI ISKANDAR CAMPUS,
SERI ISKANDAR, 32610,
PERAK, MALAYSIA

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan untuk menilai keperluan penyelidikan terhadap skop seni visual dan 'Teori Takmilah' yang digunapakai dalam kesusasteraan Islam di Malaysia. Objektif utama perbincangan adalah berkisar tentang kaitan di antara kesusasteraan dan seni visual serta relevannya 'Teori Takmilah' diaplikasikan dalam seni visual.

Perbincangan ini masih diperingkat pengenalan dalam meneliti kesesuaian untuk kaedah penghasilan dan penilaian karya seni visual di Malaysia. Kertas kerja ini diharap dapat membuka lembaran baru dalam proses pembangunan seni visual di Malaysia.

Kata Kunci :

Seni Visual, Teori Kesusasteraan, Takmilah

LATAR BELAKANG

Masalah Identiti dalam Seni Visual Malaysia adalah perkara lama yang masih belum mempunyai jawapan secara tepat. Mungkin masalah ini timbul kerana kurangnya perbincangan yang mendalam dan kurangnya teori-teori yang dihasilkan oleh pemikir dan pengkritik Seni Visual Malaysia sendiri untuk mengumpul dan mencernakan Seni Visual yang ada agar dapat disesuaikan dengan keunikannya. Yang berlaku sekarang, pengkritik dan penilai seni lebih senang menggunakan teori dan penilaian kaedah Barat ketika melakukan kritikan ataupun penulisan ilmiah.

Malah penilaian dengan menggunakan kaedah barat juga tidak mampu untuk mengungkap masalah tersebut. Masalah ini telah disuarakan pada tahun 1989 oleh Ismail Zain ketika berlakunya The First ASEAN Symposium on Aesthetic, di Bangkok. Katanya *"the dichotomous existence of modernism in an environment which is not entirely in equanimity with its canons of the West has not only proven to be problematic, but, in extreme cases, also leads to cultural delusion."*

Benar kata Nakula orang Melayu menghasilkan tamadun tetapi tidak menghasilkan ahli falsafah seperti di Greek. Mungkin inilah sebabnya di Malaysia ramai pengkarya tetapi kurang pengkritik dan pemikir seni yang benar-benar menonjol hingga ke peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, kemasukan pelbagai pengaruh dalam seni visual ini semakin mendesak tentang keperluan penilai dan pengkritik seni yang dapat

menyaring, mengkategorikan dan mengkritik agar segala pengaruh ini sampai kepada masyarakat dengan penuh kefahaman dan tanggungjawab.

Atas kesedaran ini, Prof. Madya Dr. Shafei Abu Bakar telah melahirkan Teori Takmilah yang ditujukan khas untuk Seni Sastera:

"Hasil daripada pengamatan teliti Prof. Madya Dr. Shafei Abu Bakar bersumberkan nilai-nilai estetika ini dan falsafah yang berprinsipkan tauhid, teori sastera ini direalisasikan. Ia secara umumnya didasarkan kepada sekurang-kurangnya tujuh prinsip utama iaitu kesempurnaan dari aspek ketuhanan (kamal), kerasulan (kamil), keislaman (akmal), prinsip ilmu (takamul), kesusasteraan (takmilah), pengkarya (istikmal) dan insan (kamil)."

(Takmilah : Teori Baru Kritikan Sastera
Tempatan, Utusan Malaysia 18.11.2000)

Pada pendapat penyelidik, kelahiran Teori Takmilah adalah satu usaha murni dan harus digunapakai dan dipelbagai.

Penggunaannya tidak harus terhad kepada Seni Sastera sahaja tetapi digunakan juga untuk Seni Visual yang lebih tenat situasinya. Dengan cara sebegini akan menggalakkan perbincangan-perbincangan ilmiah tentang seni. Walaupun pendapat tentang seni mungkin tidak sama diantara satu pemikir dengan pemikir yang lain tetapi dapat dibincangkan dalam satu wadah dan keputusannya dapat diambil kerana matlamatnya adalah tanggungjawab terhadap masyarakat dan agama

Mungkin Teori Takmilah ini buat masa ini hanya sesuai untuk seni Islam sahaja, tetapi penyelidik percaya jika usaha menggunakannya berterusan maka teori tersebut dapat ditambah, dikembangkan dan diubahsuai agar menjadi lebih mantap. Hasilnya pada suatu hari nanti pemikir Islam dapat menghasilkan Teori Seni yang mantap dan dapat diterima sebagai Teori Seni Visual Malaysia dan dapat diterima di seluruh dunia.

SENI SASTERA VS SENI VISUAL

Walaupun Teori Takmilah dihasilkan untuk Seni Sastera, penyelidik mendapati Teori ini dapat juga digunakan kepada Seni Visual Malaysia. Untuk itu keperluan-keperluan yang dibicarakan di sepanjang kertas kerja ini adalah untuk tujuan penyesuaian dan pemantapan agar Teori Takmilah dapat digunakan dengan berkesan dalam menghadapi pelbagai kemungkinan apabila menggunakannya untuk menilai karya-karya yang mempunyai latarbelakang yang berbeza dan mempunyai kepelbagaian bentuk rupa. Inilah keunikan Seni Visual di Malaysia.

Sudah tentu seni sastera dan seni visual ini mempunyai persamaan dan perbezaan yang harus diambil kira. Seni sastera menghasilkan simbol, metafora dan simile dengan menggunakan pemilihan perkataan yang terbaik dan susunan yang terbaik untuk menjadikannya indah pada waktu yang sama isinya di susun rapi agar yang tersurat dan tersirat dapat difahami.

Manakala seni visual pula menghasilkannya dengan menggunakan medium yang berbeza, tetapi mencuba menghuraikan maksud dan makna yang tersurat dan tersirat sekaligus di dalam sebuah permukaan 2(dua) dimensi ataupun 3(tiga) dimensi.

Karya sastera juga dapat merakam ruang, masa dan pergerakan di dalam sejumlah lembaran. Penghayatnya akan mengalami pelbagai perasaan daripada setiap bibit perkaaan yang kemudiannya menjadi ayat dan kemudiannya menjadi satu babak. Malah babak-babak ini akan berterusan dan pengalaman-pengalaman yang dilalui oleh penghayat akan dihubungkan dalam turun naiknya jalan cerita. Ini amat berbeza dengan seni visual kerana semuanya tetumpu kepada satu permukaan ataupun bentuk. Penghayat yang mahir sahaja akan dapat melihat penekanan-penekanan tertentu di dalam karya yang digunakan oleh pengkarya untuk menceritakan maksud di balik karya tersebut.

Masalah besar yang dihadapi untuk menilai seni visual ialah kurangnya maklumat yang tersedia untuk menjadi dasar kepada penilaian. Sebagai contohnya seni visual tradisi tidak mempunyai teori ataupun sumber yang mutlak untuk mengatakan inilah kaedah yang betul untuk menilainya. Menurut Nakula, sesungguhnya seni tradisi itu untuk warisan generasi akan datang menyelidikinya. Sebagai hasilnya, jika Nakula menilai seni tradisi itu berdasarkan alam Melayu, Syed Ahmad Jamal dan Zakaria Ali pula lebih cenderung menilai seni tradisi dengan menggunakan teori-teori barat. Ada juga kecenderungan menilai seni dengan menggunakan gabungan keindahan yang diterjemahkan oleh al Ghazali, Ismail dan Lamya Faruqi dan ditambah dengan teori barat.

Manakala seni kontemporari pula secara terus penilaiannya adalah teori Barat. Walau bagaimanapun ada usaha-usaha untuk menggabungkan penilaian tentang seni kontemporari dengan menggunakan teori seni Islam dan gabungannya adalah Teori Barat. Kecenderungan yang berbeza-beza ini kerana kepelbagaiaan latarbelakang penilai tersebut dan pada waktu yang sama pengkarya - pengkaryanya juga mempunyai kaedah

berkarya yang berbeza dengan representasi yang berbeza dan membawakan maksud yang berbeza.

Inilah antara cabaran jika mahu menggunakan Teori Takmilah untuk Seni Visual Islam. Lebih-lebih lagi di dalam satu Pameran Seni, isinya adalah karya-karya majmuk yang mempunyai pelbagai rupa dan maksud. Untuk itu penyelidik akan menyenaraikan keperluan-keperluan yang harus dikuasai oleh penilai sebelum menggunakan Teori Takmilah agar Teori yang asalnya digunakan untuk menilai karya sastera menjadi relevan untuk menilai Karya Seni Visual.

Kemajmukan karya ini mendesak penilai untuk memahami sejarah seni visual Malaysia yang unik ini, agar setiap karya mendapat perhatian yang lebih adil oleh penilai. Daripada kefahaman sejarah ini, barulah karya tersebut dapat dikategorikan dan kemudiannya dinilai dengan menggunakan teori ini. Hal ini kerana menilai berdasarkan premis - premis latarbelakang sejarah membantu penilai untuk mengadaptasi teori tertentu yang sesuai dengan premis lahirnya karya tersebut dan mengadilinya berdasarkan kesesuaian yang sepatutnya karya tersebut diadili.

LATARBELAKANG SEJARAH SENI VISUAL MALAYSIA - Sepintas Lalu

Ada beberapa ciri-ciri latarbelakang yang harus difikirkan sebelum Teori Takmilah dapat digunakan untuk menilai seni visual Malaysia:

- Latarbelakang sejarah orang Melayu dan seni visualnya
- Latarbelakang falsafah seni visual barat dan perkembangannya
- Pertembungan seni visual barat dan seni visual Islam di Malaysia

Latarbelakang ini amat penting sebagai kefahaman pertama yang harus dikuasai sebelum apa-apa teori digunakan untuk menilai subjek yang ditujukan. Jika sejarah seni tidak difahami, penilai akan mempunyai kecenderungan menilai sekumpulan karya

secara pukal. Jika ini berlaku sudah tentu yang terhasil adalah penilaian yang bersifat persendirian yang bermaksud mengikut kehendak aliran mana yang disukai oleh penilai ataupun penilaiannya menjadi sembrono.

3.1 LATAR BELAKANG MELAYU DAN PENGHASILAN SENI VISUAL

Melayu yang dikenal sebagai orang yang lembut dan selalu tunduk dan tidak berlebih-lebihan telah wujud dan mengalami pelbagai sejarah yang panjang. Jatuh bangunnya kerajaan-kerajaan Melayu telah berjalan selama beribu tahun. Pelbagai catatan tentang sejarah kewujudan dan peradaban Melayu telah ditulis oleh Ibnu Khaldun dan beberapa orientalis seperti Tom Pires dan beberapa orang lagi.

Kemuncak ketamadunan Melayu ialah dengan kewujudan Empayar Melaka. Dalam meniti ketamadunan Melayu, pelbagai ketamadunan lain telah menyerap ke dalam alam Melayu iaitu animisma, india (hindu dan Buddha) dan akhirnya agama Islam. Banyak telah diperkatakan tentang kehebatan orang melayu menyerap ketamadunan luar ini ke dalam budaya mereka dengan mengambil struktur yang berguna untuk kepentingan tamaduan mereka ketika itu. Penyerapan inilah yang dinamakan sinkretisme, yang akhirnya memperkuat ketamadunan melayu itu menjadi unggul.

Kebijaksanaan orang melayu menyesuaikan keadaan dengan pengaruh luar tanpa pertentangan tetapi menambahkan teknologi ini dinamakan juga sebagai local genius. Malah perkataan sinkretisme dan local genius ini tidak berhenti malah menjadi proses yang berterusan sehinggalah kini.

3.2 LATAR BELAKANG SENI VISUAL BARAT DAN PENGHASILAN SENI VISUAL

Apabila berbincang seni visual, kita tidak dapat lari daripada mengatakan bagaimana perkembangan falsafah itu merubah bentuk visual sejagat. Ahli falsafah daripada Jerman dan Itali merubah persembahan seni visualnya hasil daripada pertentangan Falsafah

Aristotelian dan Divine kemudiannya pertentangan antara Aristotelian dan Sekularisma sehinggalah Sekularisma muncul dengan dikenal sebagai Modernisma.

Perjalanan sejarah falsafah yang panjang ini menjadikan keindahan secara total yang bergantung kepada agama dan kepercayaan berpecah kepada keindahan itu diletakkan di bawah falsafah dan diperkenalkan perkataan estetika oleh Baumgarten. Perkataan Man as a measure of all thing diperkenalkan. Kemudian muncul pula Seni untuk Seni dan Seni untuk Masyarakat.

Perubahan itu berlaku dalam sedar apabila penolakan agama yang dikenal sebagai budaya itu berlaku sejak Renaissance lagi apabila keindahan itu menjadi Aestetika kemudiannya pemikiran dan teknologi sedikit demi sedikit menolak latarbelakang budaya sehinggalah kefahaman agama itu hancur apabila tibanya Post Modern.

Latarbelakang yang singkat ini adalah sebagai gambaran kepada perkembangan seni visual barat yang kesannya menjalar ke seluruh dunia sehinggalah merentasi asia tenggara hasil daripada perkembangan jajahan dan spesifiknya jika di Malaysia, penjajahnya adalah Portugis, Belanda dan akhirnya British.

3.3 PERTEMBUNGAN SENI VISUAL BARAT DENGAN SENI VISUAL ISLAM DI MALAYSIA

Daripada kedua-dua latarbelakang ini, pertembungan antara orang melayu dengan budaya barat bermula apabila kejatuhan Melaka di tangan Portugis. Namun demikian, pengaruh Portugis dan Belanda hanyalah terhad di kawasan Melaka dan daerah - daerah berdekatnya. Penaklukan ini lebih menumpukan kepada penjajahan ekonomi dan perluasan kuasa sahaja.

Penaklukan Inggeris memberi kesan mendalam kepada Tanah Melayu, Inggeris telah mencuba meresap dalam sosio budaya orang Melayu dengan memperluaskan kuasanya bermula dengan Negeri Melayu Bersekutu kepada Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan

akhirnya menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu. Penjajahan yang dilakukan telah berjaya merubah adat resam, budaya dan ekonomi orang Melayu. Malah mereka telah berjaya merubah sistem pendidikan secara total dan secara tidak langsung cara hidup orang Inggeris meresap masuk dalam sosio budaya orang Melayu. Salah satu yang menerima kesan secara terus ialah Seni Visual.

Pengaruh seni visual barat yang berlaku di akhir kurun ke 19 itu meresapkan pengaruh Modernisma yang dianjurkan oleh sekolah seni Bahaus bukan sahaja ditaja oleh Inggeris, malah di bawa secara terus daripada pelajar -pelajar yang mendapat pelajaran dari sekolah seni barat dan daripada mereka yang mempunyai hubungan dengan barat. Kesannya, Seni Visual Tradisi Melayu yang agung di turunkan tarafnya sebagai kraf sahaja, malah apresiasinya bukan berdasarkan agama lagi tetapi hanyalah bersifat dekoratif.

Hanya segelintir yang sedar masih mencuba untuk bertarung mempertahankan seni tradisi dengan mengkaji, menyelidik dan menghasilkan karya. Namun nasibnya tenggelam timbul apabila kekurangan ilmu tentang tradisi menyebabkan karya yang dihasilkan adalah tempelan-tempelan yang bukan semakin memajukan seni tersebut tetapi menghancurkannya.

Pada waktu yang sama institusi pengajian tinggi di Malaysia juga memperkenalkan seni barat dengan pendekatan sekolah seni modern, seperti Universiti Teknologi MARA yang dulu di kenal sebagai Institut Teknologi MARA dan Universiti Sains Malaysia selain daripada sekolah sekolah seni yang lain iaitu sekolah seni swasta yang banyak didokong oleh bangsa lain.

Pengaruh yang mempunyai pelbagai sumber dan kefahaman seni yang berbeza-beza ini menyebabkan seni visual Malaysia lebih mirip kepada seni campuran. Maksudnya di sini ialah kerana pengaruh dalam seni itu adalah pengaruh asing daripada kebudayaan berbeza. Kebanyakan pengkarya menghasilkan karya berdasarkan rupa seni visual barat tetapi mereka menceritakan tentang ketimuran

dan peradaban melayu yang beragama Islam.

PENILAIAN SENI VISUAL MENGUNAKAN TEORI TAKMILAH

Daripada kepelbagaian latarbelakang sejarah seni visual ini. Perkara pokok yang harus diutamakan ialah menentukan dahulu karya tersebut boleh dinilai ataupun tidak. Untuk melayakkan sesuatu karya itu dinilai, seharusnya kita memahami dahulu ketauhidan yang menjadi pegangan orang Islam. Saringan harus dilakukan, kerana ada hukum-hukum dalam seni visual yang harus dipatuhi sebelum dinilai menggunakan Teori Takmilah.

Hal ini kerana perkara asas yang mahu dinilai adalah berdasarkan Tauhid, jika karya tersebut tidak memenuhi pegangan Tauhid, maka tidak perlulah karya tersebut dinilai. Jika dinilai juga akan menjadikan polemik yang besar yang melibatkan pelbagai golongan. Malah golongan tersebut ada golongan yang faham Agama dan ada yang tidak faham Agama. Ini hanya menyebabkan golongan yang tidak memahami agama hanya akan lebih terjerumus dalam kekalutan, jika penilai tidak mampu menanganinya.

Penyelidik berpendapat, mulakan dahulu penggunaan Teori Takmilah ini untuk karya yang memenuhi hukum-hukum dalam Seni Visual. Mungkin kemudian, setelah difikirkan dan dimantapkan Teori ini dapat juga digunakan untuk menilai mana-mana karya sama ada memenuhi keperluan yang ditetapkan ataupun tidak.

Penyelidik berpendapat demikian kerana ketujuh-tujuh kriteria yang mahu dinilai itu adalah berdasarkan Tauhid iaitu:-

- Prinsip Tauhid dan Hubungannya dengan Sifat Kamal Allah
- Prinsip Kerasulan sebagai Insan Kamil dan Hubungannya dengan Falsafah Tauhid
- Keislaman Bersifat Akmal
- Ilmu yang Bersifat Takamul
- Sastera yang Bersifat Takamul
- Pengkarya yang Mengistimakan Diri
- Khalayak ke Arah Insan Kamil

4.1 SARINGAN

Saringan ini harus dilakukan dengan penuh kefahaman tentang Islam. Oleh itu, untuk mengelakkan kedangkalan penyelidik mencadangkan agar penilai mempunyai rujukan yang standard dan diterima pakai serta mudah difahami oleh semua pihak. Di Malaysia, Persatuan Ulama Malaysia telah menerbitkan sebuah buku yang berjudul "Seni Dalam Islam," yang ditulis oleh Haji Abdul Ghani Samsuddin, Ishak Hj. Sulaiman dan Engku Ibrahim Ismail.

Alangkah baik diterima sahaja buku ini, sebagai asasnya oleh semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam bidang seni untuk dijadikan asas perbicaraan seni Islam. Terpulanglah kepada penilai untuk menokok tambah dengan pengetahuan dan ilmu Islam yang dipunyai mereka selebihnya. Dengan kaedah ini memudahkan perbicaraan di atas dasar asas seni Islam yang sama.

Penyelidik tidak bermaksud untuk membicarakan topik ini dengan terperinci kerana memerlukan ruang dan perbicaraan yang panjang dan cukuplah dengan merujuk buku yang penyelidik anjurkan tadi. Yang penyelidik mahu menyentuh secara asanya ialah, untuk menganggap karya tersebut ialah karya Islam, penyelidik mendapati ada dua perkara yang seharusnya dipatuhi oleh pengkarya pada karyanya iaitu:-

- Unsur-unsur formalistik yang ada di dalam karya
- Isu, kandungan, atau pernyataan pengkarya terhadap karya yang dihasilkan

4.1.1 UNSUR-UNSUR FORMALISTIK YANG ADA DI DALAM KARYA

Maksud unsur formalistik pada karya tersebut ialah setiap karya mempunyai kaedah penilaian yang berbeza. Jika karya tersebut adalah karya tradisi, penilaiannya berdasarkan kehalusan teknikal yang dihasilkan oleh pengkarya sesuai dengan konsep akal dan budi dalam mempersembahkan karyanya.

Manakala karya kontemporari ialah 'element dan principle' yang digunakan dalam karya tersebut dapat mencetuskan komposisi terbaik untuk melahirkan maksud atau makna di dalam karya tersebut.

Yang penting ialah segala unsur dan subjek yang digunakan dalam karya tersebut tidak bertentangan dengan hukum-hukum yang telah disenaraikan dalam buku "Seni Dalam Islam" yang dianjurkan oleh penyelidik tadi.

4.1.2 ISU, KANDUNGAN, ATAU PENYATAAN PENGKARYA TERHADAP KARYA YANG DIHASILKAN

Karya-karya yang pelbagai ini, kadangkala mempunyai unsur formalistik yang memenuhi keperluan Teori Takmilah, tetapi apabila memperkatakan maksud yang mahu disampaikan kadangkala bertentangan dengan Islam. Ada juga karya yang melepasi unsur formalistiknya tetapi pengkaryanya tidak bersyahadah.

Seperti pengalaman seorang penulis buku King dengan judul bukunya 'Menghadap ke Mekah,' pendahuluan buku tersebut menceritakan bagaimana dia ditegur oleh seorang putera raja dengan berkata "Bagaimana anda dapat berbicara tentang Mekah sedangkan anda tidak pernah bersembahyang menghadapnya." Yang akhirnya beliau memeluk Islam dan barulah mendapat kenikmatan ketika berbicara tentang Islam.

Kaedah yang paling tepat untuk melakukan penilaian ini adalah melalui temu bual ataupun sumber pernyataan karya dan sejarah pengkarya itu berkarya yang merujuk kepada karya-karyanya sebelum ini. Dengan kaedah ini, penilaian akan menjadi telus dan dapat membuka ruang kepada penulisan yang lebih berilmiah dengan menceritakan maksud karyanya sebelum ini dan apa-apa yang berlaku sekarang.

PENGKATEGORIAN KARYA DALAM PENILAIAN MENGGUNAKAN TEORI TAKMILAH

Pengkategorian adalah kaedah yang terbaik untuk memastikan setiap penilaian yang dilakukan akan lebih fokus. Hal ini kerana di dalam setiap kategori mempunyai kelebihan masing-masing berasaskan latarbelakang sejarah dan latarbelakang pengkarya yang mempunyai fungsi yang berbeza dan kaedah penghasilan karya yang berbeza. Oleh itu, penilai harus bijak mengolah penilaian agar dapat menghasilkan penilaian yang terbaik dan tepat dengan mengadaptasi teori-teori yang sesuai.

Ternyata orang Melayu Islam sudah mewarisi pelbagai genre seni yang dihasilkan sejak berkurun lamanya. Yang uniknyalah, warisan ini telah mengalami pelbagai pengaruh dan adaptasi daripada pelbagai ketamadunan dunia yang mempunyai hubungan dengan alam Melayu sejak berkurun-kurun lamanya. Genre yang berbentuk lisan dan visual ini mempunyai kedudukan istimewa untuk dinilai dengan Teori Takmilah. Rupa dan jiwa yang ada di dalam karya tradisi dapat dijadikan asas yang kukuh atau sebagai garis panduan untuk menilai karya-karya lain apabila mahu menggunakan teori ini.

Daripada latarbelakang seni visual dan pertembungannya di alam Melayu, kita dapat mengenalpasti keunikan yang terdapat di alam seni Visual Islam Malaysia. Malah keunikan ini adalah kerana keterlangsungan kaedah orang Melayu berfikir dan menangani pengaruh yang mengganggu atau mengancam tamadun mereka. Untuk itu, kita tidak dapat menolak bahawa proses sinkretisme masih berlangsung dan mempunyai pengaruh besar dalam perkembangan seni visual Malaysia.

Orang Melayu masih mengambil apa-apa yang dirasakan baik di sekeliling mereka untuk menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan yang berlaku. Sebagai contohnya, seni visual barat yang mempunyai pelbagai rupa itu kebanyakannya diambil rupanya

sahaja tetapi falsafah disebaliknya tidak diambil sepenuhnya. Mereka bertumpu kepada analisa kandungan berkenaan orang melayu dan negara Malaysia dan menghasilkan rupa berdasarkan mana-mana stail yang digemari oleh mereka. Ada juga pengkarya hanya menggunakan kaedah teknikal berupa sahaja tanpa mengambil kisah langsung tentang mesej yang hendak disampaikan oleh mereka. Golongan ini yang dianggap mewakili seni visual kontemporari dan digolongkan dalam kategori yang kedua. Golongan ini adalah kategori yang terbesar kerana seni visual sekarang dipelopori oleh golongan ini.

Walau bagaimanapun, ada dua golongan lagi yang boleh dimasukkan dalam pengkategorian ini. Golongan yang dimaksudkan ialah pengkarya sekarang yang masih meneruskan penghasilan karya tradisi dan mungkin melakukan perubahan dari segi persembahan untuk disesuaikan dengan seni kontemporari sekarang ini. Golongan seterusnya ialah, penggiat seni yang menghasilkan karya yang mempunyai pengaruh Asia Barat yang kuat. Mereka kebanyakannya terdedah kepada teori seni Islam yang yang disebarkan di Barat, yang pengetahuan dan kefahamannya daripada penyelidikan tentang seni Islam di negara - negara Arab.

Pengkategorian ini amat penting kerana kekayaan orang Islam dengan seni visualnya mendokong kaedah dan falsafah penghasilan karya yang berbeza walaupun menuju ke arah yang sama iaitu Tauhid. Maksudnya di sini ialah identifikasi ini membantu penilai yang mahu menggunakan Teori Takmillah ini. Pertamanya menyedari kepelbagaian representasi seni visual yang setiap satunya mempunyai unsur formalistik yang berbeza yang berlatarbelakang falsafah dan sejarah yang berbeza walaupun menuju kepada Tauhid.

Yang kedua, penilai juga seharusnya mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam ilmu seni visual Malaysia yang amat unik ini kerana seni visual Malaysia adalah 'melting point' yang didalamnya mempunyai hampir semua pengaruh seni di dalam dunia ini.

Dengan persediaan inilah diharapkan seorang penilai dapat memikirkan setiap sudut ilmu seni dan mahir di dalam setiap kategori yang dibahagikan sebelum membuat sebarang penilaian, komen ataupun keputusan.

Daripada perbincangan ini penyelidik mendapati bahawa kategori penghasilan seni visual Islam Malaysia adalah seperti berikut:

- Karya Seni Tradisi
- Karya yang mempunyai pengaruh Seni Tradisi
- Karya yang mempunyai pengaruh Islam di Asia Barat
- Karya kontemporari.

5.1 KARYA SENI TRADISI

Perkara ini diberatkan kerana setiap kategori memerlukan ulasan dan kefahaman yang berbeza. Jika menyelidiki karya seni tradisi, sudah tentu penilai wajib memahami falsafah seni itu yang bertunjang dari pegangan Tauhid mereka. Sebagai contohnya, penilai menggunakan pendekatan yang cuba dihuraikan oleh Abdullah Muhammad (nakula), dari kefahaman ini barulah penilai dapat memahami bagaimana rupa terhasil daripada kefahaman Tauhid yang mendalam di dalam alam Melayu. Mungkin juga, penilai bersifat lebih terbuka dengan mengadaptasi Teori Panofsky yang dihasilkan untuk menilai karya-karya seni purba Greek.

5.2 KARYA YANG MEMPUNYAI PENGARUH SENI TRADISI

Untuk karya-karya yang mempunyai pengaruh tradisi pula, penilai haruslah pakar di dalam seni di alam Melayu. Itu sahaja tidak mencukupi, kefahaman yang sedia ada haruslah ditambah dengan ilmu sejarah seni barat dan kefahaman tentang 'element dan principle'nya. Hal ini kerana kebanyakan karya sebegini, subject matternya adalah seni tradisi Melayu tetapi persembahannya adalah seni barat. Oleh itu penilaian seni yang berakarkan Bahaus haruslah dikuasai. Perkara ini penting untuk difahami kerana kadangkala pengkarya menggunakan seni tradisi sebagai subject matter tetapi pemikirannya dalam proses penghasilan adalah seni Barat.

5.3 KARYA YANG MEMPUNYAI PENGARUH ISLAM DI ASIA BARAT

Karya seni Islam memegang konsep Tauhid yang sama tetapi tempat lahirnya karya yang dipisahkan oleh geografi dan budaya yang berbeza menyebabkan rupanya yang berbeza. Seperti kata Ibnu Khaldun bahawa alam sekeliling amat memainkan peranan dalam cara hidup dan pemikiran manusia di sesuatu kawasan itu. Oleh itu, untuk karya yang mempunyai pengaruh Asia Barat bermaksud di kawasan itu mendapat ilmu yang mempunyai pengaruh Greek, India, Parsi dan China yang amat kuat.

Sudah tentu kaedah berfikirnya yang berbeza dan penilai sekurang-kurangnya harus melengkapkan diri dengan memahami estetik yang dianjurkan oleh Imam al-Ghazali dan penerusnya Ismail dan Lamya Faruqi. Penilai juga harus memahami sekurang-kurangnya Teori Feldman untuk menilai sesuatu karya kerana kadangkala pengkarya berkarya dengan kefahamannya tentang seni Barat. Penyelidik mendapati penilai tidak boleh tangkap muat sahaja, contohnya merumuskan secara umum sahaja tentang seni Islam sama ada di timur dan di barat tanpa menyedari di masyarakat yang berbeza keperluan mereka juga berbeza.

5.4 KARYA KONTEMPORARI

Karya kontemporari kedudukannya adalah yang paling kritikal kerana identitinya yang kurang jelas sama ada mahu meletakkannya di dalam karya seni Islam ataupun tidak. Penilai haruslah fasih di dalam segala bidang yang disenaraikan di atas. Mahu atau tidak, kita tidak dapat mengelak dengan memperkatakan bahawa seni ini diubah rupa bentuk dan falsafahnya untuk disesuaikan dengan pemikiran manusia yang menjarakkan hidup mereka daripada ke Tuhanan. Seperti yang dikatakan tadi, yang berlaku di Malaysia yang diambil hanyalah rupanya sahaja. Namun demikian, penilai haruslah bijak mengambil keputusan kerana pernyataan tadi bukannya lesen untuk mengatakan bahawa keseluruhan karya yang dihasilkan oleh orang Islam adalah karya Islam.

CIRI-CIRI PENILAIAN KARYA VISUAL DENGAN MENGGUNAKAN TEORI TAKMILAH

Selepas sesebuah karya disaring dan dikategorikan, peringkat akhirnya ialah penilaian karya terhadap tujuh ciri Teori Takmilah. Pengidentifikasian unsur-unsur tersebut haruslah dilihat di dalam dua bidang iaitu:-

- Unsur-unsur formalistik yang ada di dalam karya
- Isu, kandungan, atau pernyataan pengkarya terhadap karya yang dihasilkan

Kaedah inilah yang membezakan seni visual dengan seni sastera kerana penggunaan teknik di dalam karya dapat menentukan berjaya atau tidak pengkarya dalam menghasilkan maksud di dalam karyanya. Namun demikian, pendapat karya tentang karyanya harus diambil kira untuk menentukan bahawa hasil penilaian adalah berdasarkan apa-apa yang mahu diperkatakan oleh pengkarya dan bukannya terhasil daripada pendapat penilai sahaja.

6.1 PRINSIP TAUHID DAN HUBUNGANNYA DENGAN SIFAT KAMAL ALLAH (PERTAMA)

Karya seni visual ini haruslah berfungsi dalam melahirkan rasa keagungan terhadap pencipta (Allah). Di sini penilaiannya menumpukan sejauhmana pengkarya memilih dan mengolah komposisi subjek utama karyanya sesuai dengan prinsip Tauhid.

6.2 PRINSIP KERASULAN SEBAGAI INSAN KAMIL DAN HUBUNGANNYA DENGAN FALSAFAH TAUHID (KEDUA)

Prinsip Kedua dalam Teori Takmilah menekankan prinsip Rasulullah sebagai Insan kamil. Dalam falsafah pemikiran Islam terdapat tiga konsep ideal keinsanan yang terdiri daripada Insan kamil, Insan Khalifah dan Insan Rabbani. Insan Khalifah dirujuk kepada kemampuan insan menjadi pemimpin di bumi Allah apabila insan itu mencapai keperluan dan syarat-syarat sebagai khalifah iaitu berilmu dan berkeperibadian tinggi.

Insan Rabbani ialah insan yang meningkat dari segi kerohanian dan mendekatkan diri kepada Allah. Gabungan antara Insan Khalifah dan Insan Rabbani dapat membawa kepada peningkatan insan kepada tahap insan kamil yang idolanya ialah Rasulullah s.a.w.

6.3 KEISLAMAN BERSIFAT AKMAL (KETIGA)

Islam disifatkan sebagai agama yang syumul (lengkap). Islam sebagai agama yang sempurna adalah melengkapi berbagai-bagai aspek termasuklah aspek seni visual yang memupuk budaya masyarakat umatnya. Islam sebagai agama syumul semestinya memancarkan seni visual yang mencerminkan budaya masyarakat umat yang syumul (ideal). Dari segi praktiknya, seni visual berperanan membantu menyempurnakan kesyumulan Islam. Melalui karya diharapkan dapat memupuk insan yang patuh kepada agama, berkeperibadian tinggi, berpengetahuan luas, lengkap dengan nilai-nilai kekhalifahan, kerabbaniahan dan keinsanan.

6.4 ILMU DAN SENI YANG BERSIFAT TAKAMUL (KEEMPAT)

Konsep Takmilah juga menekankan hubungan yang erat antara seni visual dengan ilmu. Hubungan tersebut mempunyai pertalian yang erat dengan fakulti diri yang penting khususnya akal dan hati. Akal dalam Islam merupakan alat yang paling utama untuk mencapai keilmuan khususnya sesuatu ilmu yang bersifat alamiah dan rasional. Manakala hati berperanan sebagai saluran ke arah keilmuan yang rohani sifatnya yang juga dikenali sebagai makrifat. Seni visual dilihat berperanan dari segi takamul untuk mempertingkatkan bidang alamiah dan rohaniah tersebut.

6.5 SASTERA DAN ASTETIK YANG BERSIFAT TAKMILAH (KELIMA)

Konsep Takmilah juga menekankan hubungan yang erat antara seni visual dengan Astetik khususnya makna keindahan (beauty) dalam Islam. Sastera dalam Islam haruslah indah kerana menurut Imam al Ghazali bahawa Allah itu Indah dan Sukakan Keindahan.

Keindahan yang didasari oleh Tauhid ini haruslah disampaikan dengan kebijaksanaan menggunakan akal dan budi. Hal ini kerana keindahan inilah yang mahu disampaikan kepada penghayatnya. Indah pengkaryanya, indah pula isinya dan ini tidak sekali-kali bercampur dengan keburukan untuk menghasilkan keindahan.

6.6 PENGKARYA YANG MENGISTIKMALKAN DIRI (KEENAM)

Pengkarya hendaklah bertanggungjawab menyebarkan risalah tauhid menerusi karyanya kepada masyarakat (penghayat). Seseorang pengkarya juga berperanan besar meneruskan tugas perjuangan dakwah Rasulullah s.a.w. Karya-karya yang dihasilkan hendaklah berlandaskan kebenaran, keadilan dan kebaikan iaitu untuk menyeru manusia ke arah keimanan dan ketakwaan. Selain itu, etika berkarya bagi pengkarya Islam mestilah bertunjangkan niat berkarya untuk mencari keredhaan Allah. Pengkarya yang beristikmal merujuk kepada pengkarya yang perlu melengkapi diri mereka dengan ilmu agama, ilmu seni visual dan ilmu bantu yang lain. Ilmu seni visual boleh digabungkan dengan disiplin-disiplin ilmu yang lain seperti geografi, perubatan, kejuruteraan, sains dan sebagainya ke arah penyempurnaan ilmu itu sendiri.

6.7 KHALAYAK KE ARAH INSAN KAMIL (KETUJUH)

Tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan hasil karya mengajak manusia ke arah kebaikan. Namun, menerusi Teori Takmilah harapan yang digantungkan terhadap karya ialah setiap penciptaan karya itu perlu sampai kepada khalayak dan ia benar-benar serasi dengan kehendak dan kepentingan Islam. Matlamat yang hendak dicapai ialah memupuk khalayak penghayat ke arah pembentukan insan kamil iaitu mencontohi peribadi terpuji dan akhlak mulia Rasulullah s.a.w. walaupun tidak secara seratus peratus.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, penyelidik berpendapat bahawa Teori Takmilah mampu digunakan untuk menilai karya seni Visual. Malah, teori ini juga dapat mengisi ruang kekurangan penghasilan teori ataupun kaedah untuk menilai karya visual khasnya karya seni Islam yang dihasilkan di Malaysia dengan mempunyai latar belakang yang pelbagai.

Walau bagaimanapun, untuk menjadikannya lebih berkesan penilai sendiri haruslah mempunyai ilmu pengetahuan seni yang kukuh agar dapat membuat komen yang adil dan saksama. Penilai haruslah memahami bahawa kepelbagaian yang ada di dalam seni visual Malaysia adalah kerana sejarah yang dilalui oleh orang Melayu beragama Islam amatlah panjang dan terpaksa menghadapi pelbagai pengaruh di dalam period-period tertentu yang menyebabkan mereka terpaksa menggunakan sinkretisme untuk terus bertahan dan mengubahsuai pengaruh tersebut agar mengikut cetakan mereka.

Pada waktu yang sama, penilai juga harus menggunakan pelbagai teori seni yang lain agar penilaian yang dilakukan sesuai dan tidak asing dengan kaedah yang biasa dan digunapakai sebelum ini. Kaedah sebegini memberi ruang dan peluang kepada penilai untuk menghubungkan dan mengantarabangsakan penilaian tersebut dengan asimilasi ilmu - ilmu lain yang terdapat di sekeliling seni visual itu sendiri.

Di dalam kertas kerja ini penyelidik juga mencadangkan kaedah penggunaan Teori Takmilah yang terbaik ialah dengan menyaring dahulu kesesuaian karya itu untuk dinilai dan menilai berdasarkan kategori karya tersebut sebelum menilai dengan kaedah Teori Takmilah.

Penyelidik percaya Teori Takmilah ini boleh menyemarakkan seni visual Islam sebagai sebuah medium dakwah yang mudah diterima oleh semua penghayat seni. Kepada pengkarya pula, Teori Takmilah akan menjadi asas kesedaran sejauh mana karya mereka berjaya mencapai sebuah karya yang diterima oleh Islam. Pada waktu yang sama menyedarkan mereka akan tanggungjawab mereka sebagai Insan Kamil yang seharusnya menghasilkan sesuatu yang dapat membangunkan masyarakat dan agama dan tidak sekadar berkarya untuk berkarya sahaja.

REFERENCES

Abdullah Muhammad, (1974). Bentuk-bentuk Bangunan Masjid Kunci Memahami Kebudayaan Melayu. Kementerian Kebudayaan Belia & Sukan Malaysia, Kuala Lumpur.

Abdullah Muhammad, (1980). Wayang Kulit di Malaysia. Kementerian Kebudayaan Belia & Sukan Malaysia, Kuala Lumpur.

Abdul Ghani Samsuddin, Ishak Sulaiman, Engku Ibrahim Ismail, (2001). Seni Dalam Islam. Intel Multimedia and Publication, Kuala Lumpur.

Abdul Rahman Abdullah, (1990). Pemikiran Umat Islam Di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke 19. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Al-Faruqi, L. I. (1976). An Islamic Perspective on Symbolism in the Arts. In Art, Creativity, and the Sacred.

Alice, G. G. (1994). Introduction: Affirming ASEAN Cultural Integrity in Art and Aesthetic. In The Aesthetics of ASEAN Expressions. (A documentation of the Second ASEAN workshop, exhibition, and symposium on aesthetics). Manila: ASEAN Committee on Culture and Information.

E. Fernie, (1995). Art History and Its Method: A Critical Anthology. Phaidon Press Limited.

Erwin Panofsky, (1968). Idea: A Concept in Art Theory. Harper & Row, Publishers, London,

Nik Mohamed Nik Mohd salleh, (1993). Warisan Kelantan XII. Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Senu Abdul Rahman, (1971). Revolusi Mental. Penerbitan Utusan Melayu, Kuala Lumpur.

S. H. Nasr, (1987). Islamic Art and Spirituality. Golgonooza Press, Cambridge.

Syed Ahmad Jamal, (1979). Rupa dan Jiwa (Form and Soul). Kuala Lumpur: Muzium Seni Asia, Universiti Malaya.

Zakaria Ali, (1991). KeMalaysiaan Senilukis Malaysia: Soal Identiti. Balai Seni Lukis Negara, Kuala Lumpur.

1st ASEAN Symposium on Aesthetic (1989) catalogue, Bangkok.



Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)
Tarikh : 30 Ogos 2022

YBhg. Profesor Ts Sr Dr Md Yusof Hamid, PMP, AMP
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak



YBhg. Profesor

**PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK
MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pihak Perpustakaan ingin memohon kelulusan YBhg. Profesor untuk membuat imbasan (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.
3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna Perpustakaan terhadap semua bahan penerbitan UiTM melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak YBhg. Profesor dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar

SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN
Timbalan Ketua Pustakawan

nar

PROFESOR SR DR MD YUSOF HAMID, PMP, AMP
REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
KAMPUS SERI ISKANDAR